

DOPROCT RECTAL OINTMENT®

Hydrocortisone acetate/Benzocaine/Zinc oxide (5mg/10mg/200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Doproct
2. Bagaimana Doproct berfungsi
3. Sebelum menggunakan Doproct
4. Cara menggunakan Doproct
5. Semasa menggunakan Doproct
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Doproct
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Doproct

Doproct digunakan dalam rawatan:

- kesakitan, kegatalan dan keradangan yang disebabkan oleh iritasi di bahagian dubur seperti buasir, rekahan dan selepas pembuangan buasir.

Bagaimana Doproct berfungsi

Hydrocortisone dikategorikan dalam kumpulan kortikosteroid. Ia berfungsi sebagai anti-radang dan anti-gatal.

Benzocaine adalah anestetik setempat yang digunakan untuk menghalang rangsangan hujung saraf di kulit.

Zinc oxide digunakan untuk melegakan dan melindungi daripada buasir.

Doproct adalah gabungan produk hydrocortisone acetate, benzocaine dan zinc oxide. Ubat-ubat ini membantu untuk meringankan kegatalan dan membenarkan proses penyembuhan.

Sebelum menggunakan Doproct

- Bila tidak boleh menggunakan

- Mempunyai alahan terhadap bahan aktif hydrocortisone acetate, benzocaine, atau bahan-bahan lain dalam Doproct.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Doproct

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain,

makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- mengalami mukosa trauma atau sepsis (kekotoran darah disebabkan oleh jangkitan yang boleh mengancam nyawa) di kawasan anorektum.
- belum menjalani pemeriksaan yang mencukupi di usus besar, dubur dan rektum.
- mengalami jangkitan

Doktor anda akan menjalankan pemeriksaan dan ujian yang mencukupi untuk mengecualikan kebarangkalian kanser, jangkitan, alahan dan faktor penyebab lain.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan nasihat. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Aminosalicylic acid (untuk merawat batuk kering)
- Sulfonamides (antibiotik untuk ulser keradangan colon)

- Semasa mengandung dan menyusu bayi

Doproct tidak akan membahayakan kesihatan wanita hamil. Hanya kuantiti kecil hydrocortisone acetate yang dilepaskan ke dalam susu ibu. Oleh itu, ia tidak akan membahayakan bayi yang menyusu. Walau bagaimanapun, ia tidak digalakkan untuk digunakan pada kawasan yang besar, atau digunakan dalam kuantiti yang besar, atau digunakan dalam tempoh masa yang terlalu panjang.

Cara menggunakan Doproct

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu sedikit Doproct di terusan anus sebanyak dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Sapukan Doproct pada awal pagi dan lewat petang selepas membuang air besar.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doctor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Doproct Rectal Ointment pada rektum, penjagaan perlu diambil untuk mengelakkan berlebihan dos. Perlu diingat bahawa penyerapan sistemik melalui rektum adalah agak tinggi dan dos yang tinggi boleh mempengaruhi sistem saraf pusat. Penggunaan hydrocortisone yang berpanjangan dengan dos yang tinggi boleh menyebabkan kesan sistemik atau kesan setempat seperti penipisan kulit.

Sensitiviti terhadap sentuhan seperti kulit kering, kegatalan, iritasi, rasa pedih atau rasa menyengat sementara boleh berlaku jika Doproct Ointment digunakan secara berlebihan. Hentikan penggunaan jika gejala tersebut berlaku.

Semasa menggunakan Doproct

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Doproct.

• Dapatkan nasihat daripada doktor jika anda sedang hamil atau bercadang untuk hamil.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

- Jangan berhenti mengambil Doprocet tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan guna Doprocet yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau tiub ubat.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jika iritasi atau pendarahan rectum berlaku, penggunaan produk harus diberhentikan.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Doprocet mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- kulit kering
- kegatalan
- iritasi
- pedih atau rasa menyengat sementara

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public -> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Doprocet

- **Penyimpanan**

Simpan ubat dalam bungkusan asal.

Simpan di tempat dingin (bawah 25°C) dan kering, jauhkan dari haba, dan cahaya

Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

Doprocet adalah salap yang berwarna putih.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan Aktif

Setiap Doprocet mengandungi hydrocortisone acetate 5mg, benzocaine 10mg dan zinc oxide 200mg.

- **Bahan tidak aktif**

Purified water, mineral oil, glycerin, lactic acid, isopropyl myristate, methyl paraben, propyl paraben, and emulgade 1000 Ni T.

- **Bungkusan**

Kotak mengandungi (1x10g) tiub dan kotak mengandungi (10x10g) tiub.

- **Nombor MAL**

MAL07050013AZ

Pengilang

Continental-Pharma Co. Ltd.
85/5 Soi Prachoomporn, Chaengwattana Road, Laksi, Bangkok 10210, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/09/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)070917/00244